



Maklumat untuk pengamal perubatan berkelayakan antarabangsa

Tujuan

Dokumen ini menyediakan ringkasan maklumat yang terdapat di laman web Lembaga Perubatan Tradisional Cina Australia (Lembaga) dan Ahpra, yang relevan bagi pengamal perubatan tradisional Cina berkelayakan antarabangsa dan ingin mengamalkan perubatan tradisional Cina di Australia dalam bidang akupunktur, perubatan herba Cina dan/atau pengeluaran herba Cina. Dokumen ini bertujuan memberikan gambaran ringkas dan tidak mengandungi semua maklumat yang terdapat di laman web Lembaga. Pembaca digalakkan untuk mendapatkan maklumat lanjut di laman web Lembaga.

Calon yang bercadang untuk memohon pendaftaran disyorkan agar membiasakan diri dengan [piawaian pendaftaran](#), [kod dan garis panduan](#) Lembaga. Pautan kepada dokumen-dokumen yang relevan untuk pemohon disenaraikan di bahagian bawah dokumen ini. Untuk makluman, pautan tersebut hanya terdapat dalam bahasa Inggeris.

Sila ambil maklum bahawa semasa memohon, pemohon dikehendaki memenuhi [piawaian kemahiran bahasa Inggeris](#) yang ditetapkan oleh Lembaga.

Pernyataan Niat

Selaras dengan rangka kerja kawal selia Lembaga dan komitmen terhadap keselamatan awam, dokumen terjemahan ini disediakan untuk meningkatkan kebolehcapaian bagi pendaftaran antarabangsa. Dokumen ini juga bertujuan membantu individu yang bahasa Inggeris bukan bahasa utamanya dalam memahami syarat-syarat pendaftaran dan piawaian kelayakan yang ditetapkan oleh Lembaga.

Berbeza dengan dokumen kawal selia lain yang mungkin ditujukan kepada pengamal yang telah berdaftar dan sudah faham dengan konteks Australia, dokumen ini dapat membantu pemohon antarabangsa yang mungkin menghadapi kesukaran disebabkan perbezaan bahasa. Dengan menyediakan terjemahan, Lembaga memastikan semua pihak dapat mengakses maklumat berkaitan pendaftaran, mengurangkan kemungkinan salah faham dan meningkatkan kecekapan proses pendaftaran.

Inisiatif terjemahan ini sejajar dengan [pendirian Lembaga berkenaan penterjemahan dokumen kawal selia penting](#), menegaskan komitmen Lembaga untuk menerangkan secara menyeluruh dan jelas. Walaupun terjemahan ini berfungsi sebagai sumber maklumat, versi asal dalam bahasa Inggeris yang terdapat di laman web Lembaga masih menjadi sumber sah bagi semua kewajipan undang-undang dan profesional.

Lembaga dan Ahpra

Lembaga ingin memastikan bahawa pengamal perubatan tradisional Cina di Australia adalah terlatih, berkelayakan dan cekap. Keselamatan awam adalah keutamaan Lembaga. Lembaga menyokong amalan selamat dengan mengeluarkan piawaian kawal selia, kod, garis panduan, maklumat terkini dan sumber lain untuk pengamal perubatan Cina, majikan, pelajar dan orang awam.

Agensi Pengawalseliaan Pengamal Kesihatan Australia (Ahpra) menyokong 15 Lembaga Kebangsaan dalam tugas melindungi orang awam dan menetapkan piawaian yang harus dipatuhi oleh semua pengamal kesihatan yang berdaftar. Semua pengamal kesihatan yang berdaftar disenaraikan dalam daftar kebangsaan bagi pengamal kesihatan. [Ketahui lebih lanjut tentang Ahpra](#).

Lembaga Perubatan Cina Australia
Agensi Pengawalseliaan Pengamal Kesihatan Australia
GPO Box 9958 Melbourne VIC 3001 Chinesemedicineboard.gov.au 1300 419 495

Ahpra dan Lembaga-Lembaga Kebangsaan mengawal selia profesion kesihatan berdaftar berikut: perubatan Cina, kiropraktik, pergigian, perubatan, radiasi perubatan, perbidanan, kejururawatan, terapi carakerja, optometri, osteopati, paramedik, farmasi, fisioterapi, podiatri dan psikologi.

Syarat pendaftaran

Anda harus mendaftar dengan Lembaga sebelum mengamalkan atau bekerja sebagai pakar akupunktur, mengamalkan perubatan herba Cina atau menjual herba Cina di Australia. Kami mengesyorkan agar anda tidak memohon pekerjaan atau memulakan perkhidmatan sebelum kelayakan pendaftaran anda dinilai dan disahkan. Sila ambil maklum bahawa Ahpra dan Lembaga tidak dapat membantu anda mendapatkan pekerjaan atau mempengaruhi peluang pekerjaan.

Anda harus memohon sebagai pemohon berkelayakan luar negara jika anda:

- memperoleh kelayakan awal dalam perubatan Cina di luar Australia,
- tidak menamatkan kelayakan yang diiktiraf bagi tujuan pendaftaran di Australia, atau
- tidak pernah mendaftar di Australia sebelum ini.

Pemohon dikehendaki membayar yuran permohonan dan yuran pendaftaran. Senarai yuran Lembaga terdapat dalam [jadual yuran](#).

Memenuhi syarat pendaftaran

Untuk layak mendaftar sebagai pengamal perubatan Cina, anda perlu memenuhi syarat kelayakan dan piawaian pendaftaran Lembaga.

Permohonan pendaftaran dari pengamal berkelayakan luar negara akan dinilai berdasarkan:

- [kriteria penilaian](#) yang diluluskan oleh Lembaga, dan
- piawaian pendaftaran:
 - rekod jenayah,
 - kemahiran bahasa Inggeris,
 - perlindungan insurans profesional, dan
 - pengalaman kerja terkini.

Langkah pendaftaran di Australia untuk pengamal perubatan Cina berkelayakan antarabangsa:



Peperiksaan kawal selia

Setelah kami menilai kelayakan anda, anda mungkin dikehendaki lulus [peperiksaan kawal selia](#) Lembaga sebelum Lembaga atau wakilnya dapat memberikan keputusan permohonan anda. Jika ini berlaku, kami akan menghantar surat memaklumkan keperluan ini berserta maklumat tentang peperiksaan dan cara permohonan untuk mendudukinya.

Lembaga menggunakan peperiksaan ini untuk menilai sama ada setiap calon mempunyai pengetahuan yang mencukupi, kemahiran klinikal dan ciri-ciri profesional yang diperlukan untuk mengamalkan akupunktur dan/atau perubatan herba Cina secara selamat dan cekap di Australia.

Maklumat lanjut mengenai peperiksaan kawal selia boleh didapati di [laman web Lembaga](#).

Dokumen berkaitan

Piawaian pendaftaran

[Pembangunan Profesional Berterusan](#)

[Rekod Jenayah](#)

[Kemahiran Bahasa Inggeris](#)

[Pendaftaran Terhadap untuk Pengajaran dan Penyelidikan](#)

[Perlindungan Insurans Profesional](#)

[Pengalaman Kerja Terkini](#)

Kod dan garis panduan

[Garis panduan pencegahan dan kawalan jangkitan untuk amalan akupunktur](#)

[Garis panduan pengiklanan perkhidmatan kesihatan terkawal](#)

[Garis panduan amalan perubatan herba cina secara selamat](#)

[Garis panduan rekod kesihatan pesakit](#)

[Keupayaan profesional bagi pengamal perubatan Cina](#)

[Kod tatakelakuan](#)

[Media Sosial: Cara Memenuhi Kewajipan di bawah Undang-Undang Negara](#)

Peperiksaan kawal selia

[Polisi peperiksaan kawal selia untuk calon ulangan atau permohonan untuk divisyen tambahan](#)

[Buku panduan calon peperiksaan kawal selia CMBA – peperiksaan soalan aneka pilihan \(MCQ\)](#)

[Semakan prosedur peperiksaan MCQ](#)

[Polisi pelaksanaan peperiksaan MCQ](#)

[Polisi peperiksaan MCQ](#)

[Polisi salah urus peperiksaan MCQ](#)

[Permohonan pelarasan yang munasabah untuk calon peperiksaan MCQ CMBA](#)

[Permohonan pertimbangan khas untuk calon peperiksaan MCQ CMBA](#)

[Buku panduan OSCE](#)

[Polisi pelaksanaan OSCE](#)

[Polisi salah urus OSCE](#)

[Polisi permohonan untuk pertimbangan khas OSCE](#)

[Polisi semakan prosedur OSCE](#)

[Polisi pelarasan munasabah OSCE](#)

[Polisi keputusan OSCE](#)

Pautan ke Halaman Berkaitan di Laman Web

[Piawaian pendaftaran](#)

[Pengamal Perubatan Cina Berkelayakan Luar Negara](#)

[Memenuhi syarat pendaftaran](#)

[Penilaian permohonan](#)

[Peringkat penilaian](#)

[Keputusan permohonan](#)

[Imigresen](#)

[Peperiksaan kawal selia](#)

[Menduduki peperiksaan MCQ](#)

[Menduduki peperiksaan OSCE](#)